



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen Win Big dengan BSNeBiz (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula dari **01 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025 (“Tempoh Kempen”)**, kecuali dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat bagi Kempen in sepertimana dinyatakan di bawah (**“Terma dan Syarat”**).
The Win Big with BSNeBiz Campaign (“Campaign”) is organised by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 March 2025 until 31 May 2025 (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN from time to time, subject to the terms and conditions of the Campaign as stipulated below (“Terms and Conditions”).

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2. Semua pelanggan yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“Peserta yang Layak”):
All customers that meet the following criterias are eligible to participate in this Campaign (“Eligible Participants”):
 - a) Terbuka kepada pelanggan perniagaan baharu atau sedia ada BSN yang mempunyai BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat; dan
Open to all new and existing business customers of BSN having BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account; and
 - b) Berdaftar bagi perkhidmatan [BSNeBiz](#) (“BSNeBiz”); dan
Registered for [BSNeBiz](#) services (“BSNeBiz”); and
 - c) Melakukan Transaksi Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5 di bawah melalui BSNeBiz dalam Tempoh Kempen.
Perform Eligible Transactions via BSNeBiz as stated in Clause 5 below within the Campaign Period.
3. Entiti-entiti/individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*
 - a) Semua pelanggan individu BSN; dan
All BSN’s individual customers; and
 - b) Akaun jabatan-jabatan di BSN; dan
BSN departments’ accounts; and
 - c) Akaun melibatkan projek atau inisiatif daripada Kerajaan.
Accounts involving projects or initiatives from the Government.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

MEKANISMA KEMPEN/ CAMPAIGN MECHANISM

4. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak hendaklah melakukan Transaksi Yang Layak melalui BSNeBiz dan peroleh mata penyertaan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 5 di bawah sepanjang Kitaran Kempen (“**Kitaran Kempen**”) dan Tempoh Kempen yang berlangsung seperti berikut:

To participate in this Campaign, Eligible Participants shall perform Eligible Transactions through BSNeBiz and earn entry points as stated in Clause 5 below throughout the Campaign Cycle (“Campaign Cycle”) and Campaign Period which takes place as follows:

Kategori <i>Categories</i>	Kitaran dan Tempoh Kempen <i>Campaign Cycle and Period</i>	
Hadiah Bulanan <i>Monthly Prize</i>	Kitaran Kempen 1 <i>Campaign Cycle 1</i>	1 Mac 2025 – 31 Mac 2025 <i>1 March 2025 – 31 March 2025</i>
	Kitaran Kempen 2 <i>Campaign Cycle 2</i>	1 April 2025 – 30 April 2025 <i>1 April 2025 – 30 April 2025</i>
	Kitaran Kempen 3 <i>Campaign Cycle 3</i>	1 Mei 2025 – 31 Mei 2025 <i>1 May 2025 – 31 May 2025</i>
Hadiah Utama <i>Grand Prize</i>	1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025 <i>1 March 2025 until 31 May 2025</i>	

5. Peserta Yang Layak hendaklah melakukan perkara berikut:

The Eligible Participants shall perform the following:

Mekanisma Kempen <i>Campaign Mechanism</i>	<p>A. Hadiah Bulanan Monthly Prize</p> <p>Lakukan Transaksi Yang Layak dan peroleh minimum 50 jumlah mata penyertaan secara kumulatif dalam setiap tempoh Kitaran Kempen yang ditetapkan.</p> <p><i>Perform the Eligible Transactions and earn a minimum of 50 entry points cumulatively within each Campaign Cycle period.</i></p>
	<p>B. Hadiah Utama Grand Prize</p> <p>Lakukan Transaksi Yang Layak dan peroleh minimum 150 jumlah mata penyertaan secara kumulatif dengan sekurang-kurangnya daripada 2 jenis Transaksi Yang Layak yang berbeza sepanjang Tempoh Kempen.</p> <p><i>Perform the Eligible Transactions and earn a minimum of 150 entry points cumulatively with at least from 2 different types of Eligible Transactions throughout the Campaign Period.</i></p>



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

**Transaksi & Mata
Penyertaan
Yang Layak**
*Eligible
Transactions &
Entry Points*

Transaksi yang diambil kira di dalam Kempen ini (“Transaksi Yang Layak”) dan mata penyertaan yang akan diperolehi bagi setiap transaksi (“Mata Penyertaan”) adalah seperti berikut:

The transactions that are considered in this Campaign (“Eligible Transactions”) and the entry points to be earned for each (“Entry Points”) are as follows:

Transaksi Yang Layak <i>Eligible Transactions</i>	Jumlah minimum untuk setiap transaksi <i>Minimum amount per transaction</i>	Mata Penyertaan <i>Entry Points</i>
Pendaftaran Peniaga Baharu DuitNow QR – sekali sahaja DuitNow QR New Merchant Registration – one off only	n/a	5
Transaksi DuitNow QR (Bayar atau Terima) DuitNow QR transaction (Pay or Receive)	RM50.00	2
Pindahan wang melalui DuitNow Fund Transfer via DuitNow	RM5,000.00	5
Pembayaran bil melalui JomPAY Bill payment via JomPAY	RM500.00	3
Transaksi melalui RENTAS Transaction via RENTAS	RM5,000.00	5
Pembayaran Secara Pukal Bulk Payment	RM10,000.00	5

Nota: Setiap entri di dalam Pembayaran Secara Pukal dianggap sebagai satu (1) transaksi seperti ilustrasi di bawah (contohnya 10 entri dalam 1 transaksi Pembayaran Secara Pukal akan dikira sebagai 10 transaksi).

Note: Each entry in Bulk Payment is considered as one (1) transaction as per illustrative example below (e.g. 10 entries in 1 Bulk Payment will be counted as 10 transactions)

Contoh Ilustrasi / Illustrative Example:

Syarikat <i>Company</i>	Transaksi Pembayaran Secara Pukal <i>Bulk Payment Transaction</i>	Entri¹ <i>Entry¹</i>	Jumlah Transaksi <i>Total Transactions</i>	Mata Penyertaan Diperoleh <i>Entry Points Earned</i>
Syarikat A Company A	1	10	10	50
Syarikat B Company B	1	5	5	25



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

¹Setiap entri merujuk kepada transaksi di dalam Pembayaran Secara Pukul yang memenuhi syarat minimum RM10,000 setiap transaksi. / Each entry represents a transaction in Bulk Payment that fulfilled the minimum requirement of RM10,000 per transaction.

HADIAH / PRIZES

6. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini (“Hadiah”) berdasarkan jumlah mata penyertaan tertinggi yang diperolehi bagi setiap kategori:

Prizes offered under this Campaign are as below (“Prizes”) based on the highest number of Entry Points earned for each category:

Kategori Hadiah <i>Prize Categories</i>	Jenis Hadiah <i>Type of Prize</i>	Nilai Hadiah bagi Setiap Pemenang <i>Prize Value for Each Winner</i>	Jumlah Pemenang <i>Number of Winners</i>
Hadiah Bulanan <i>Monthly Prize</i>	Wang Tunai / Baucar Petrol <i>Cash Rewards / Petrol Vouchers</i>	RM500.00	45 ²
Hadiah Utama <i>Grand Prize</i>	Wang Tunai / Baucar Petrol <i>Cash Rewards / Petrol Vouchers</i>	RM3,500.00	5

²15 pemenang bagi setiap Kitaran Kempen / 15 winners for each Campaign Cycle

PEMILIHAN PEMENANG / WINNER SELECTION

7. Pemenang-pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama secara kolektif selepas ini akan dirujuk sebagai “Pemenang”.

The Winners of the Monthly Prize and Grand Prize will be collectively hereinafter referred to as the “Winner”.

8. BSN akan memilih Pemenang yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan memperoleh Mata Penyertaan yang tertinggi berdasarkan rekod yang terdapat di dalam sistem BSN di akhir setiap Kitaran Kempen bagi kategori Hadiah Bulanan dan di akhir Tempoh Kempen bagi kategori Hadiah Utama.

BSN will select the Winners who have fulfilled the stipulated criteria and earned the highest number of Entry Points based on the records available in the BSN system at the end of each Campaign Cycle for the Monthly Prize category and at the end of the Campaign Period for the Grand Prize category.

9. Senarai Pemenang Hadiah Bulanan bagi ketiga-tiga Kitaran Kempen dan Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan selepas Tempoh Kempen berakhir dan setelah Hadiah dikreditkan ke akaun BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat Pemenang atau mana-mana kaedah penyerahan yang akan ditentukan oleh BSN mengikut budi bicaranya.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

The list of the Winners for the Monthly Prize and Grand Prize will be announced at the end of the Campaign Period upon the Prizes being credited into the BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company account of the Winner or any other distribution methods that will be determined by BSN at its discretion.

10. Peserta Yang Layak hendaklah memastikan akaun BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat yang digunakan untuk melakukan Transaksi Yang Layak tersebut kekal berstatus aktif sepanjang masa untuk tujuan pengkreditan atau penyerahan Hadiah kepada Pemenang.

The Eligible Participants must ensure that the BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account that is used to perform Eligible Transactions always remains active for the purpose of crediting Prizes to Winners.

11. Butiran Pemenang (nama syarikat) akan diumumkan di www.bsn.com.my (“Laman Web BSN”) dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN. Dengan menyertai Kempen ini, paparan nama Peserta Yang Layak di Laman Web BSN yang berjaya menjadi Pemenang adalah dipersetujui oleh Peserta Yang Layak.

The Winner’s details (company’s name) will be published on www.bsn.com.my (“BSN’s Website”) and/or any other method deemed appropriate by BSN. By participating in this Campaign, the publication of the Eligible Participant’s name on BSN’s Website, if they successfully become a Winner, is agreed upon by the Eligible Participant.

12. BSN berhak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau akaun BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat Pemenang didapati tidak aktif, tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan dan/atau melanggar perjanjian dengan BSN dan/atau Pemenang tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.

BSN reserves the right to select an additional winner to substitute any Winner who may be ineligible or cannot be contacted or the Winner’s BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account is invalid, have been, suspended, closed, cancelled, and / or in breach of its agreement with BSN or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.

13. Sebarang penentuan oleh BSN mengenai pemilihan Pemenang adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dengan apa cara sekali pun. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.

Any determination by BSN as to the list of winners shall be conclusive and may not be challenged in any manner whatsoever. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.

14. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis dan tanpa keperluan untuk memberikan sebab kepada Pemenang jika Hadiah tersebut tidak tersedia. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice and without the requirement to provide its justification to the Winners if



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

the awarded Prizes are unavailable. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.

15. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.
All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.
16. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta Yang Layak berhubung penyertaan dalam Kempen ini.
BSN does not guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Participants in relation to the participation in this Campaign.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

17. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Participants directly or indirectly, caused by the changes.
18. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta Yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkaitan dengan Kempen ini.
BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Participants that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

19. Peserta Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.
Eligible Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.
20. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta Yang Layak atau Pemenang.
Any cost, fee and/or expense incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost of transportation, accommodation, meals, personal costs and/or any other expenses is the sole responsibility of the Eligible Participants or Winners.
21. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.
BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading and other similar things that prevent any individual from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

22. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
 - b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
 - c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
 - d) untuk mengesahkan status akaun Peserta yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
 - e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta yang Layak; atau
 - f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

By participating in this Campaign, the Eligible Participants hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:

- a) to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign in accordance with BSN’s Privacy Notice, which may be viewed on BSN’s Website; or*
- b) to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) to comply with a Court order or direction; or*
- d) to verify the Eligible Participant’s account status with any third party (if relevant); or*
- e) where the Eligible Participants request in writing; or to protect and defence BSN or BSN’s asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN’s Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN’s Privacy Policy shall prevail.

23. Peserta Yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peserta Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Eligible Participants hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Participant’s account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

24. Peserta Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Eligible Participants have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan data peribadi; and
Withdraw their consent for the use of personal data; and*
- b) Meminta apa-apa pembedulan dilakukan/mengemaskini data peribadi; dan
Request for any correction/update of personal data; and*
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan data peribadi dengan menghubungi BSN.
Raise any questions regarding the use of personal data by contacting BSN.*

25. Peserta Yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Peserta Yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peserta Yang Layak.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

The Eligible Participants agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Participants' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Participants.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

26. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah bersetuju:-

By participating in this Campaign, all Eligible Participants are deemed to have agreed:

a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat, Terma dan Syarat bagi BSNeBiz dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein, the Terms and Conditions of BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account, the Terms and Conditions of BSNeBiz and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa bagi memastikan Peserta Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access BSN's Website on a regular basis to ensure that the Eligible Participants are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

27. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

28. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.

In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

29. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Participants resulting, directly or indirectly, from participation in this Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

30. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta Yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN.

By participating in this Campaign, the Eligible Participants consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Participants for current and future advertising and promotional and winner announcement purposes in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.

31. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Participants and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes.

32. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung Kempen ini lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN “WIN BIG DENGAN BSNeBiz”
TERMS AND CONDITIONS “WIN BIG WITH BSNeBiz” CAMPAIGN

BSN at its discretion may withdraw, cancel or suspend the Campaign earlier than the Campaign Period or extend the Campaign beyond the Campaign Period by giving notice within the period BSN deems reasonable. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Participants, directly or indirectly, caused by the changes.

33. Peserta Yang Layak hendaklah mengakses Laman Web BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat. *Eligible Participants must access to BSN Website and/or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Eligible Participants are up-to-date with any change or variation made to the Terms and Conditions.*
34. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta Yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peserta Yang Layak melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN. *Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Participants and be deemed to be brought to the Participant's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.*
35. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN. *In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*
36. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. *These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN'S TERMS AND CONDITIONS-